

09 MAY 1999

ABDULLAH BELUM TERIMA LAPORAN ISU UCAPAN FAUZI DI KELANTAN

KENINGAU, 9 Mei (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Deri Abdullah Ahmad Badawi berkata beliau belum menerima laporan berhubung isu ucapan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Fauzi Abdul Rahman yang dikatakan bertentangan dengan dasar parti.

"Setakat ini, saya belum lagi menerima laporan mengenai perkara itu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat perwakilan Umno bahagian Keningau, di sini hari ini.

Abdullah, yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Displin Umno, juga enggan mengulas lanjut mengenai perkara itu.

Beliau diminta mengulas mengenai laporan ucapan Fauzi pada majlis perasmian persidangan perwakilan Umno Bahagian Tumpat, Kelantan, pada Jumaat lepas.

Pada hari berikutnya (Sabtu lepas), Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Annuar Musa berkata pita rakaman ucapan Fauzi itu telah diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana ucapannya dipercayai bertentangan dengan dasar parti.

Menurut Annuar pita rakaman ucapan Fauzi, yang dikatakan memihak kepada bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, diserahkan kepada jawatankuasa pengurusan dan disiplin parti untuk tindakan lanjut.

-- BERNAMA

NT NAK